



**KENYATAAN SEBUTHARGA PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA (CMI)  
12 NOVEMBER 2021**

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA  
DI BANGUNAN INKUBATOR K-EKONOMI MITC DAN RUMAH KEDAI/PEJABAT PULAU MELAKA  
MILIK PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA BAGI TEMPOH SATU TAHUN**

---

**1. KENYATAAN AM / TAWARAN**

- 1.1 Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat berdaftar dengan Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kewangan Malaysia yang mempunyai kod bidang **220801 – Kawalan Keselamatan** untuk **Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan** dan masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk Sebut Harga berikut:-

| <b>Tajuk</b>  | <b>Kategori</b>   | <b>Harga Dokumen Sebut Harga</b> | <b>Tarikh Dan Tempat Dokumen Dijual</b>   | <b>Tarikh, Masa Dan Tempat Sebut Harga Di Tutup</b>  |
|---|---|----------------------------------|---|--|
| <b>KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA DI BANGUNAN INKUBATOR K-EKONOMI, MITC DAN RUMAH KEDAI /PEJABAT PULAU MELAKA MILIK PERBADANAN KETUA MENTERI MELAKA BAGI TEMPOH SATU TAHUN</b> | <b>Kawalan Keselamatan ( Perlu Lesen KDN )<br/><br/>Kod Bidang 220801 – Kawalan Keselamatan</b> | <b>RM 50.00</b>                  | <b>Kaunter Perbadanan Ketua Menteri Melaka<br/>Aras Bawah, Menara MITC, Jalan Konvensyen, Kompleks MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka<br/><br/>Mulai<br/>17 November 2021<br/>hingga<br/>25 November 2021</b> | <b>25 November 2021 (Khamis) sebelum jam 12.00 tengah hari<br/><br/>Kaunter Perbadanan Ketua Menteri Melaka Aras Bawah, Menara MITC, Jalan Konvensyen, Kompleks MITC, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka<br/><br/>Sebut Harga yang lewat diterima tidak akan dilayan</b> |

Taklimat berkaitan sebut harga akan diadakan pada 17 November 2021 (Rabu), jam 9.00 pagi bertempat di Rumah Kedai/Pejabat Pulau Melaka dan jam 11.00 pagi bertempat di Bangunan Inkubator K-Ekonomi, MITC.

- 1.2 Dokumen Sebut Harga hendaklah dibuat serahan tangan ke **Pejabat Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI), Aras Bawah Menara MITC, Jalan Konvensyen, 75450, Ayer Keroh Melaka.**
- 1.3 Sebut Harga yang lewat dihantar tidak akan diterima / dilayan. CMI tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Sebut Harga yang dihantar.
- 1.4 Semua keterangan mengenai Sebut Harga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan bekalan/perkhidmatan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen ini.
- 1.5 Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen Sebut Harga.**
- 1.6 Asas-asas penilaian terhadap tawaran sebut harga termasuklah perkara-perkara berikut :-
- a) Memenuhi kesemua syarat dan skop kerja / spesifikasi yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga;
  - b) Keupayaan / kemampuan penyebut harga seperti pengalaman kerja yang lepas, prestasi kerja / kontrak semasa, projek yang sedang dilaksanakan / dalam tangan;
  - c) Kemampuan kewangan penyebut harga;
- 1.7 Pihak CMI berhak menamatkan perkhidmatan/bekalan yang diberikan oleh syarikat pada bila-bila masa sekiranya :-
- a) Tidak mematuhi skop kerja;
  - b) Tidak memenuhi kriteria yang telah dipersetujui;
  - c) Tidak mengikuti spesifikasi yang ditetapkan.
- 1.8 Semua pertanyaan atau penjelasan boleh berhubung dengan  
**Puan Nur Suhaida Binti Khirull Anuar di Talian 06-234 6618**

**Perbadanan Ketua Menteri Melaka (CMI),  
Aras Bawah Menara MITC,  
Jalan Konvensyen,  
75450, Ayer Keroh  
Melaka.**